

## OXYCODONE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ⊕ Oxycodone ialah ubat yang digunakan untuk merawat kesakitan yang sederhana dan teruk.

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ⊕ Ia bertindak dengan menghalang isyarat sakit dalam sistem saraf pusat dan otak.



### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN

#### A. CARA MAKAN

- ⊕ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ⊕ Makan ubat ini sebelum atau selepas makan.
- ⊕ Oxycodone pelepasan segera (Oxynorm<sup>®</sup>) hanya dimakan apabila perlu setiap 4 jam sekali apabila sakit kecuali apabila diarahkan oleh doktor.
- ⊕ Oxycodone pelepasan perlahan (Oxycontin<sup>®</sup>) dimakan secara berjadual dan tidak boleh diambil bila perlu. Makan pada waktu yang sama setiap hari sehingga diarahkan untuk berhenti oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa arahan doktor.
- ⊕ Ubat ini tidak boleh dibelah atau dihancurkan. Telan ubat ini secara keseluruhan.



#### B. JIKA TERLUPA

- ⊕ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ⊕ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

## C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN

### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan
- Didapati hamil dan memberi susu badan
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



# AMARAN !!

SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR

## E. KESAN SAMPING UBAT

- ⊕ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
  - Mengantuk, sakit kepala, pening,
  - Sembelit,
  - Sakit perut
  - Loya Muntah
  - Keletihan
  
- ⊕ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
  - Susah bernafas
  - Denyutan jantung yang lemah
  - Rasa hendak pitam
  - Keliru, pemikiran atau sikap yang luar biasa
  - Sawan
  - Kelemahan badan yang semakin teruk

Rujukan:

- 1) <https://www.rxlist.com/oxycontin-drug/patient-images-side-effects.htm> (Accessed on 16/5/2019)
- 2) Sisipan maklumat ubat.

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---